

**UCAPAN NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
PERASMIAN PENUTUPAN PROGRAM PERHIMPUNAN PERPADUAN UMS
PERINGKAT IPTA MALAYSIA
30HB SEPTEMBER 2010**

Bismillahirrahmannirrahim

Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam 1 Malaysia

Pegawai-Pegawai Utama UMS

Dekan-Dekan

Ketua-Ketua Jabatan dan Pengarah Institut

Para peserta,

Tuan-tuan dan puan-puan, siswa-siswi serta para hadirin sekalian.

Pertamanya, syukur ke hadrat Ilahi kerana atas limpah dan kuniannya dapat kita berkumpul untuk sama-sama menyemarakkan ikatan perpaduan yang telah wujud sekian lamanya. Tahniah kepada semua peserta yang telah berjaya menamatkan perhimpunan perpaduan ini yang difahamkan ada diantara yang datang nun jauh dari Semenanjung Malaysia. Syabas buat diri anda semua dan selamat datang saya ucapkan ke Negeri Di Bawah Bayu.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sebagai sebuah Negara yang memiliki kepelbagaian etnik dan budaya hidup, kita memerlukan satu semangat perpaduan yang kuat untuk menjadikan Malaysia sebuah

Negara yang aman dan harmoni. Malaysia merupakan satu-satunya Negara di dunia ini yang masih mampu memiliki semangat itu dan sehingga ke hari ini kita gah di persada antarabangsa dengan budaya hidup yang bertoleransi dan hidup berlandaskan prinsip kenegaraan yang holistik, yakni bebas dari cengkaman dan pengaruh luar.

Justeru sebagai mahasiswa dan mahasiswi yang berhati waja, semangat ini perlu mengalir dalam diri setiap anak bangsa yang kita pupuk nilai jati dirinya dan semangat kenegaraan berteraskan Rukun Negara. Sumbangan anda terhadap Negara amat penting untuk menjadikan Malaysia sebuah Negara yang bukan sahaja hidup dalam aman dan sentosa, namun mempunyai kemampuan dan kredibiliti dalam melahirkan modal insan kelas pertama. Jadilah anak bangsa yang berbakti pada negaranya. Jangan asyik kita bertanya apakah sumbangan Negara kepada kita, tetapi tanyalah diri anda apakah sumbangan yang anda berikan kepada Negara kita yang tercinta ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Perhimpunan perpaduan peringkat IPTA seluruh Malaysia yang julung-julung kalinya diadakan di Negeri Sabah ini cukup sinonim dengan perayaan Hari Malaysia yang menjadikan Sabah sebagai destinasi tuan rumah buat pertama kalinya ia diadakan. Justeru, kesinambungan perhimpunan ini menjadikan semangat patriotisme itu terus dijana dan disalurkan ke dalam diri mahasiswa mahasiswi sekalian agar dapat kita jadikan semangat ini sebagai pendorong kepada anda meneruskan perjuangan dan impian Negara. Seharusnya kita perlu merenung masa depan kita, dan menentukan sama ada kita mahu atau tidak menggapai impian itu kemudian kita susun rentak perjuangan kita bersama-sama agar ianya bukan sekadar angan-angan mat jenin, tetapi satu impian dan misi nasional yang sudah sehati dengan diri mahasiswa sekalian. Inilah pentingnya kita jana semangat jati diri agar diakhirnya nanti kita mampu mempertahankan apa yang telah kita miliki hari ini malah melangkah lebih jauh dari itu.

Sebagai rakyat Malaysia yang mempunyai pendidikan dan intelektual yang terpuji, semangat perpaduan yang telah dibina pada hari ini tidak terhenti di sini. Sebaliknya

sematlah dan semarakkanlah semangat itu kepada persekitaran kita. Jadikan kehidupan yang bersatu padu itu sebagai satu kebiasaan dan perkara yang mendatori bagi kita, sekalipun kita diuji dengan pelbagai masalah dalam hidup bermasyarakat. Jangan pernah kita mengalah pada keadaan itu dan jangan pernah kita tunduk sebelum kita berjuang. Tidak ada yang lebih indah dalam hidup bermasyarakat selain melihat kita hidup dengan aman di bawah satu semangat kecintaan kepada negara dan berkongsi kesenangan yang kita miliki pada hari ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Adalah menjadi harapan kita semua untuk melihat Malaysia membangun dengan acuannya yang tersendiri. Kita perlu berbangga dengan pendekatan Malaysia untuk menjadi sebuah Negara maju. Justeru dengan adanya perhimpunan perpaduan seperti ini, besarlah harapan saya agar ianya bukan sekadar indah khabar dari rupa. Jadikan apa yang telah kita peroleh hari ini sebagai satu titik bermulanya misi untuk terus memberikan nafas gemilang kepada Malaysia yang tercinta ini. Jadikan hari ini sebagai satu sejarah yang akan melakar sejarah indah pada masa akan datang. Marilah kita sama-sama bangkit sebagai satu bangsa Malaysia yang gemilang.

Sekali lagi syabas dan tahniah kepada anda yang telah menjadi insan yang terpilih untuk menyemarakkan semangat perpaduan ini. Tahniah juga kepada jawatankuasa penganjur yang telah bertungkus lumus menjayakan program yang cukup besar ertinya buat kita semua. Pesan saya, genggam bara api biar sampai jari arang, genggam jati diri semarak bumi pertiwi. Semoga Malaysia boleh berbangga dengan anak-anak bangsa yang berhimpun pada hari ini, kerana saya yakin bahawa andalah yang akan membawa Malaysia di puncak jaya.

Dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, saya merasmikan Majlis Penutupan Program Perhimpunan Perpaduan UMS Peringkat IPTA Malaysia.

Sekian, terima kasih.